



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	20/4/2021	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tidak libat tanah Hutan Mossy

Utusan Malaysia 20/4/2021 m/s 29

Oleh MOHAMAD SHOEFIMATISA
shoefi.sai@mediamulia.com.my

KUANTAN: Cadangan pelaksanaan projek komersial menerusi kerjasama dimeterai antara Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) dan sebuah syarikat hartanah baru-baru ini tidak melibatkan pembangunan tanah Hutan Mossy, Gunung Brinchang di pusat peranginan tanah tinggi itu.

Projek itu juga terletak di luar kawasan tadahan air Sungai Burung dan berada di bahagian bawah Hutan Simpan Kekal (HSKK) Ulu Bertam iaitu sembilan kilometer daripada Hutan Mossy melalui jalan darat.

Dalam kenyataan MDCH kepada *Utusan Malaysia*, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan memaklumkan, projek yang dimaksudkan adalah usahasama MDCH bersama Casa Inspirasi Sdn. Bhd., anak syarikat LBS Bina Group Sdn. Bhd.

Jelasnya, perjanjian dimeterai pada 31 Mac lalu yang mana lokasi projek adalah di atas tanah lot hak milik MDCH iaitu HSD4908, Lot PT3288 ber keluasan 20.84 hektar dengan syarat nyata Pembangunan Perumahan. "Komponen pembangunan



KEADAAN Sungai Burung berhampiran Hutan Mossy, Cameron Highlands yang masih terpelihara namun keadaannya mungkin berubah jika projek pembangunan dilaksanakan di kawasan hutan bertumut itu. - IHSAN REACH

yang dibangunkan adalah ruang perniagaan, pangsupuri perkhidmatan, kediaman dan bangunan rumah kedai," menurut kenyataan itu di sini semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan Hutan Mossy berdepan kemungkinan terjejas dan hilang daya tarikan berkaitan cadangan pelaksanaan sebuah projek hartanah yang didakwa turut melibatkan kawasan terkenal dengan keindahan hutan

bertumut itu.

Presiden Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (Reach), A. Dilip Martin berkata, difahamkan pembangunan hartanah yang dicadangkan itu melibatkan tanah Hutan Mossy seluas 20.8 hektar.

Kata Dilip, pembangunan di Hutan Mossy yang sebahagian projek komersial itu dilaksanakan tidak lama lagi selepas

perjanjian antara MDCH dan sebuah syarikat hartanah terkenaka di negara ini.

Mengulas lanjut, MDCH berkata, projek berkenaan tertakluk kepada Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) Jadual Kedua iaitu melibatkan inkuiri dan pameran awam serta melalalui Kajian Penyelidikan Kesan Alam Sekitar yang sangat terperinci oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS).